

Malaysia has been known as a plural society with various religious groups coexisting. In the past, the Federal Government has been instrumental in the development of Islam in Malaysia. However, the recent development of Islam in Malaysia has been mainly driven by the State Government of Kelantan. This article reviews the importance of the 1993 Hudud Bill of Kelantan. In the author's view, the Bill has invited many criticism from the Federal Government as well as academician. The aspect criticised are justice of the Bill, qualification of drafters and lack of provisions. The author gives several suggestions on how to improve the Bill including how to implement Syariah Law wisely.

## Hudud Kelantan Dan Pengislahannya

Mohd Noor Deris

### Abstract

*The article reviews the importance of the 1993 Hudud Bill of Kelantan. In the author's view, the Bill has invited many criticism from the Federal Government as well as academician. The aspect criticised are justice of the Bill, qualification of drafters and lack of provisions. The author gives several suggestions on how to improve the Bill including how to implement Syariah Law wisely.*

### Pendahuluan

Isu Hudud berbangkit dan hangat di Kelantan sejak pertengahan April 1992, ketika Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengeluarkan kenyataan:

*“Kerajaan Pusat tidak akan menghalang rancangan Kerajaan Kelantan melaksanakan Hudud dan sanggup meminda Perlembagaan Persekutuan sekiranya ada peruntukan yang menjadi penghalang kepada perlaksanaan hukum Hudud Kelantan.”<sup>1</sup>*

Kemudian dihangatkan lagi oleh kenyataan Perdana Menteri selaku Presiden UMNO yang menegaskan bahawa UMNO akan menyokong hasrat Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan Hudud. Dengan takdir dan hikmat Allah s.w.t., sampai sekarang hukum Hudud belum menjadi realiti selain dari sambutan “hari Hudud” yang dirayakan oleh pihak-pihak tertentu. Penulisan ini memberikan perhatian utama kepada pandangan para pengkritik dan sewajarnya diambil langkah-langkah untuk memperbaiki dan seterusnya melaksanakan Syariah Islam dalam gerakan reformasi undang-undang di negara Malaysia tercinta ini yang telah dilancarkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam sejak tahun 1982.<sup>2</sup>

## Kelahiran Hudud Kelantan 1993

Selepas Angkatan Perpaduan Ummah (APU) berjaya memenangi semua 36 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUNK) di dalam pilihanraya umum Oktober 1990, PAS dan Angkatan Perpaduan Ummah telah mengemukakan janji akan melaksanakan Hudud Islam di Kelantan di dalam kempen pilihanraya berkenaan. Kerajaan negeri telah menubuhkan satu penal penggubal rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II dan mengambil masa tiga tahun untuk merangka draf dan membentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25hb. November 1993. Dewan Undangan Negeri Kelantan meluluskannya sebutat suara.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 meliputi tiga jenis kesalahan dan tiga jenis hukuman iaitu:

- 1) kesalahan hudud dan hukumannya,
- 2) kesalahan qisas dan hukumannya,
- 3) kesalahan ta'zir dan hukumannya.

Ada enam jenis kesalahan di bawah kategori kesalahan hudud iaitu:

- a) *sariqah* (mencuri)
- b) *hirabah* (merompak)
- c) zina (melakukan persetubuhan haram)
- d) *qazaf* (membuat tuduhan bahawa seseorang itu melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi)
- e) *syurb* (meminum arak atau minuman yang memabukkan) dan
- f) *irtidad* atau *riddah* (keluar daripada agama Islam).<sup>3</sup>

Kesalahan liwat dikategorikan sama dengan kesalahan zina dan hukumnya. "Sesiapa melakukan kesalahan liwat hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang ditetapkan bagi zina."<sup>4</sup> Termasuk kesalahan liwat, Hudud Kelantan 1993 meliputi tujuh jenis kesalahan Hudud iaitu fasal 5 *sariqah*, fasal 8 *hirabah*, fasal 10 zina, fasal 12 *Qazaf*, fasal 22 *syurb*, fasal 23 *riddah* dan fasal 16 liwat. Tetapi tidak termasuk *Bughat* (penderhakaan).

Di bahagian qisas tersenarai dua jenis kesalahan iaitu kesalahan mencederakan badan manusia dan kesalahan membunuh manusia. "Qisas dan diyat kedua-duanya hendaklah dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan menyebabkan kematian manusia dan menyebabkan kecederaan badan."<sup>5</sup>

Mengenai kesalahan ta'zir dan hukumannya, Hudud Kelantan 1993, memasukkan dua kategori kesalahan ta'zir. Pertama, kesalahan yang tidak termasuk di dalam kategori kesalahan Hudud dan qisas. Ini terdapat di dalam peruntukan 3 (c) "kesalahan-kesalahan yang lain daripada kesalahan-kesalahan hudud dan kesalahan-kesalahan qisas, ... Kesalahan-kesalahan itu dinamakan kesalahan-kesalahan ta'zir dan hukumannya dinamakan hukuman ta'zir".<sup>6</sup> Contoh kesalahan ta'zir di dalam Hudud Kelantan 1993

ialah “*Musahaqah*” Fasal 19, “*Ityan al-Maitah*” Fasal 20, dan “*Ityan al-Bahimah*” Fasal 21.

Kategori kesalahan ta’zir yang kedua ialah kesalahan hudud dan qisas yang tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud dan qisas. “Dengan syarat bahawa sesuatu kesalahan hudud atau qisas tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud atau hukuman qisas kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki bagi hukuman-hukuman itu, maka kesalahan itu adalah menjadi suatu kesalahan ta’zir dan hendaklah ia dihukumkan demikian.”<sup>7</sup>

### **Kritikan Terhadap Hudud Kelantan 1993**

Kelahiran Hudud Kelantan 1993 telah melahirkan pula kritikan daripada para pengkritiknya. Ini jelas daripada beberapa buah buku kecil yang diterbitkan bertujuan menjawab kritikan kepada Hudud Kelantan 1993. Di antaranya ialah buku kecil berjudul “*Jawapan Kepada Beberapa Kekeliruan Tentang Hudud*” suntingan Wan Nik Wan Yussof yang diterbitkan oleh Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1995; dan buku kecil berjudul “*Isu Hudud: Hj. Abdul Hadi Jawab Mahathir*” yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan PAS Pusat (JPPP), 1994.

Berpandukan judul buku terbitan 1994 itu, Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad tergolong di dalam para pengkritik Hudud Kelantan 1993. Manakala YB Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden PAS, tergolong di dalam para pembela dan pendukung Hudud Kelantan 1993.

Menurut Prof. Madya Dr. Ibrahim Abu Bakar,<sup>8</sup> kritikan terhadap Hudud Kelantan 1993 boleh dikategorikan kepada beberapa aspek seperti aspek keadilan, kelayakan penggubal dan kekurangan peruntukan yang dianggap penting oleh para pengkritik.

#### **i. Aspek Keadilan**

Aspek keadilan di sini meliputi isu sama ada peruntukan dan fasal-fasal yang ada dalam Hudud Kelantan 1993 dapat memberikan keadilan kepada mangsa jenayah dan penjenayah.

Perdana Menteri Malaysia sendiri dikatakan berpendapat bahawa Hudud Kelantan 1993 tidak mengambil kira prinsip keadilan Islam di dalam proses penggubalannya.

Jabatan Penerangan PAS Pusat menyatakan bahawa “*dalam sepucuk surat kepada Menteri Besar Kelantan bertarikh 15hb. Julai 1994, Perdana Menteri secara rasmi mengumumkan pendirian Pusat menolak Kanun Jenayah Syariah II 1993 kerana mendakwa ia mengetepikan prinsip keadilan Islam.*” (JPPP 1994, hal. dari Penerbit). Andainya apa yang ditulis oleh Jabatan Penerangan PAS Pusat itu benar, maka layaklah Perdana Menteri Malaysia mengkritik Hudud Kelantan 1993 kerana “*ia mengeneplikan prinsip keadilan Islam.*”

Perbezaan fahaman tentang prinsip keadilan Islam di antara Timbalan Presiden PAS dan Presiden UMNO boleh dikatakan mewakili perbezaan fahaman para pendukung PAS dan para pendukung UMNO. Pendukung UMNO mengkritik Hudud

Kelantan 1993 dengan alasan sepertimana dinyatakan di dalam surat Perdana Menteri Malaysia kepada Menteri Besar Kelantan bertarikh 15hb. Julai 1994 iaitu Hudud Kelantan 1993 “mengenepikan prinsip keadilan Islam.”

Kumpulan wanita Malaysia yang membentuk **Sisters in Islam** pula menyatakan bahawa Hudud Kelantan 1993 mendiskriminasi wanita di dalam beberapa fasalnya iaitu fasal 46(2), 41(1), fasal 14, fasal 15, fasal 2(i) dan fasal 62. Dalam surat mereka bertarikh 25hb. Disember 1993 kepada Perdana Menteri Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad, **Sisters in Islam**, menulis:

*“This Code discriminates against Malaysian Women in several of its parts including:*

- i. *the grounds for presumption of zina in clause 46(2);*
- ii. *the disqualification of women as eye-witnesses in clause 41(1);*
- iii. *the termination of a marriage by a husband’s accusation of zina (al-li’ān), whether proved or not, against his wife in clauses 14 and 15; and*
- iv. *the implied endorsement in clauses 2(i) and 62 of the view that diyat or compensation for death or injury to a woman should be half that for a man.”<sup>9</sup>*

Asiah Mion di dalam *Wanita*, Mac 1994, mempersoalkan keadilan Hudud Kelantan 1993. Beliau memberi contoh fasal 46(2) dan fasal 14(1). Beliau berpendapat bahawa Hudud Kelantan 1993 tidak memberikan pembelaan kepada mangsa rogol, fasal-fasal dalam Hudud Kelantan 1993 sempit dan meragukan, dan wanita menjadi mangsa tindas dan ugut di dalam Hudud Kelantan 1993. Di antara lain, Asiah Mion menulis:

*“Jelas rang undang-undang ini secara langsung dan tidak langsung menganiayai wanita. Ini termaktub pada fasal 46(2) kehamilan atau kelahiran anak seseorang perempuan yang tidak mempunyai suami hendaklah menjadi keterangan yang boleh mendapatinya bersalah melakukan zina dan yang demikian hukuman Hudud ke atasnya hendaklah dikenakan.”<sup>10</sup>*

Salbiah Ahmad berpendapat bahawa Hudud Kelantan 1993 bias terhadap wanita dan mendiskriminasi wanita di dalam kes zina dan kes rogol. Beliau menulis: “*The Bill discriminates women, both in zina and rape.*”<sup>11</sup>

Dr. Mahmud Saedon dilaporkan berpendapat bahawa beberapa fasal yang menghadkan bukti hudud kepada bukti lisan boleh membawa Hudud Kelantan 1993 tidak adil. Beliau menyatakan bahawa penyempitan penggunaan bukti dalam

### *Hudud Kelantan dan Pengislahannya*

membuktikan kesalahan penjenayah membawa kepada ketidakadilan. Hudud Kelantan 1993 menerima pakai bukti lisan dan sumpah tetapi tidak menerima pakai bukti bertulis dan bukti *qarinah*. “*Prof. Mahmud said the provisions of the law of evidence here proves that the Enactment is against Islamic justice and is also regressive.*”<sup>12</sup>

Prof. Ahmad Ibrahim di dalam kertas kerjanya mencadangkan supaya dibuang beberapa fasal di dalam Hudud Kelantan 1993 seperti fasal 23, dan fasal 46(2). Mengenai fasal 46 (2), Dr. Ahmad menulis:

*“Peruntukan ini hendaklah dihapuskan oleh kerana jelas ia berlawanan dengan pendapat mazhab Syafie dan mazhab Hanafi. Ia hanya diterima oleh mazhab Maliki dan sebahagian ulamak mazhab Hanbali (tidak oleh Imam Ahmad). Daripada segi maslahah ammah, peruntukan seperti ini telah dibuktikan di Pakistan menjadi keaniayaan kepada kaum wanita.”*<sup>13</sup>

Dr. Mohammad Hashim Kamali berpendapat bahawa Hudud Kelantan 1993 tidak menunjukkan pandangan al-Quran yang seimbang atau adil dan tidak menunjukkan kondisi dan realiti masyarakat Malaysia kontemporer. Beliau menulis:

*“And the in its typically imitative and taqlidi orientation, I further submit, that the Hudud Bill of Kelantan has also failed to be reflective either of the balanced outlook of the Quran or of the social conditions and realities of the contemporary Malaysian society.”*<sup>14</sup>

Beliau juga menulis:

*“On a more general note the Bill was criticised for failure to be equitable and just.”*

### **ii. Aspek Kelayakan dan Keautoritian**

Aspek ini meliputi isu samada penggubal Hudud Kelantan 1993 berkelayakan dan berautoriti.

Mengenai kritikan terhadap aspek ini, Wan Nik menulis:

*“Pihak tertentu mendakwa Enakmen Jenayah Syariah II 1993 Kerajaan Negeri Kelantan tidak digubal oleh pakar ulamak mujtahid sebaliknya mereka mendakwa Enakmen tersebut digubal oleh pakar undang-undang dan oleh itu penggubalnya bukan ulamak yang mampu menganalisa kitab-kitab Islam dari sumber bahasa Arab yang asal dan oleh itu tidak berautoriti mengikut kehendak Islam.”*<sup>15</sup>

Di dalam satu majlis di Kelantan pada 3hb. Mac1994, Perdana Menteri Malaysia memberitahu pandangan beliau terhadap Hudud Kelantan 1993. Beliau mempersoalkan kelayakan dan keautoritian penggubal Hudud Kelantan 1993. Beliau menyatakan:

*“PAS law is a result of PAS interpretations of the teachings of Islam.*

*It is not the authentic law of Islam. Neither is it according to the accurate interpretations of Islam. It was studied and then made by people whose understanding of Islam is superficial. Worse still, it was drafted by certain quarters with vested interest that have nothing to do with Islam.”<sup>16</sup>*

Beliau juga menyatakan bahawa segelintir kecil ulamak yang mirip kepada parti politik tertentu sahaja yang melibatkan diri di dalam proses penggubalan Hudud Kelantan 1993. Beliau menyatakan:

*“All the ulama in this country, even Kelantan, did not participate in studies that gave birth to PAS Hudud law. What was done was a limited study that cannot be interpreted as appropriate with fiqh methods beneficial to the Muslims. Only ulamas from a certain political party, who sympathised with the party, were granted the opportunity to participate. Their standpoint is already known.”<sup>17</sup>*

### **iii. Aspek Ketiadaan / Kekurangan Peruntukan.**

Ketiadaan atau kekurangan peruntukan atau fasal tertentu di dalam Hudud Kelantan 1993 menjadi aspek yang menarik banyak kritikan.

Di antara peruntukan atau fasal yang dianggap penting tetapi tidak ada di dalam Hudud Kelantan 1993 ialah kesalahan rogol atau zina secara paksa. Wan Nik Menulis:

*“Pihak tertentu mendakwa bahawa Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kerajaan Negeri Kelantan bercanggah dengan kebanyakan ulamak sambil menonjolkan contoh ketiadaan peruntukan terhadap tertuduh membela diri dan pembalasan ke atas kes-kes zina paksa (rogol) menurutnya menzalimi mangsa tertuduh.”<sup>18</sup>*

Pihak tertentu juga mempersoalkan mengapa Enakmen Acara Jenayah Syariah 1983 yang dipakai sekarang dibuat semasa Barisan Nasional tetap menjadi rujukan dalam prosiding mahkamah khas dan oleh itu Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kelantan tidak lengkap dan tidak mampu berdikari.<sup>19</sup>

Pihak tertentu mendakwa Enakmen Kanun Jenayah Syariah tidak memperuntukkan sebarang fasal bagi menghukum perogol. Malah pihak tertentu mendakwa mangsa rogol apabila mengaku dirogol akan disabit di bawah *Ikrar Zina* dan apabila menuduh orang yang merogolnya, wanita itu disabit pula dengan hukuman menuduh tanpa saksi (*qazaf*).<sup>20</sup>

Pihak tertentu mendakwa bahawa Kanun Jenayah Syariah II 1993 Negeri Kelantan tidak ada peruntukan membela diri atas tertuduh dan oleh itu keadilan tidak boleh dijamin.<sup>21</sup>

## *Hudud Kelantan dan Pengislahannya*

Dr. Mohammad Hashim Kamali menulis mengenai ketiadaan fasal kesalahan rogol di dalam Hudud Kelantan 1993, “*The Bill came under criticism for its total silence over the problem of rape.*”<sup>22</sup>

Haji Wan Ismail Wan Ahmad (Bekas Setiausaha Dewan Ulamak PAS Kelantan) menulis:<sup>23</sup>

*“Setelah disemak dan dikaji secara terperinci dengan berpandukan kepada nas-nas yang sarih (terang dan nyata) maka didapati isi kandungan rang undang-undang yang digubal oleh PAS ini terlalu longgar (berbelit-belit), ada yang tidak betul dari segi tekniknya, bercanggah di antara satu muka surat dengan muka surat yang lain dan yang teruk sekali ialah wujud di antara kandungannya percanggahan dengan al-Quran, al-Hadith, sejarah dan dengan kitab-kitab fiqh yang dikarang oleh ulamak-ulamak fiqh yang muktabar. Oleh yang demikian, maka Kanun Jenayah Syariah II 1993 ini mengikut pandangan Islam adalah tidak sah (terbatal).”*

Sebenarnya sehingga sekarang belum ada kepastian yang muktamad samada YB Ustaz Abdul Hadi Awang atau YB Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman yang menjadi pengurus jawatankuasa menggubal Rang Undang-undang tersebut. Kemungkinan besar Ustaz Abdul Halim akan berkata bahawa YB Ustaz Hadi Awang adalah pengerusinya dan begitulah pula sebaliknya. Apabila sampai kepada tahap di mana mereka tidak berdaya lagi untuk menolak hujah-hujah dan nas-nas yang menunjukkan bahawa Enakmen ini adalah Hudud PAS maka akan terdedahlah kepada umum kelemahan-kelemahan, kecacatan-kecacatan dan kebatilannya.

Ustaz Nik Aziz kerapkali mengumumkan bahawa Enakmen Kanun Jenayah ini diserahkan kepada beberapa pakar undang-undang begitu sahaja, dan tidak pernah mengumumkan nama-nama mereka itu sehingga sekarang dan tidak pernah menyatakan yang mereka itu terdiri daripada pakar-pakar perundangan Islam. Ini tidaklah mustahil yang ianya hanya sebagai rekaan semata-mata(?)

Ini adalah kerana sekiranya mereka itu terdiri daripada pakar-pakar undang-undang sekular tentulah mereka tidak akan dapat membuat rujukan kepada al-Quran, al-Hadith dan sumber-sumber hukum Islam dan kalau mereka itu terdiri daripada ulamak-ulamak (pakar perundangan Islam) tentulah sekali mereka tidak menggubal draf undang-undang Islam yang tidak lengkap, yang bercanggah dengan nas-nas dan banyak kecacatannya.”<sup>24</sup>

Dalam pada itu kumpulan Islah pula melalui setiausahaannya Ustaz Haji Wan Daud Wan Yusof mengeluarkan kenyataan bahawa hukum Hudud yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan Kelantan pimpinan Pas adalah Hudud manusia dan bukannya Hudud Allah. Serentak dengan itu beliau mencabar pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri

mengadakan perdebatan atau muzakarah terbuka bagi mengatasi kekeliruan berhubung dengan isu tersebut. Kenyataan beliau telah disiarkan oleh Utusan Malaysia 10hb. Jun 1994.”

Ekoran dari itu pada 11hb Januari 1994, Utusan Malaysia melaporkan bahawa pemimpin-pemimpin PAS terdiri dari Pemangku Ketua Penerangan PAS Kelantan, Abdul Fatah Harun, ADUN Peringat Daud Yusoff dan Naib Ketua PAS Kawasan Kota Bharu Sheikh Mohsein Al-Amudi menentang cadangan debat atau muzakarah terbuka itu.

Dahulu PAS sentiasa mahu berdebat dengan mana-mana pihak dan debat bagi PAS seolah makan pulut, maka pada hari ini nampaknya pemimpin PAS dalam kebingungan untuk menjawab hujah bahawa Enakmen yang diluluskan oleh DUN Kelantan pada 25hb. November 1993 itu bukan Hudud Islam tetapi Hudud buatan sendiri yang mengubahsuai hukum Allah kemudian melabelkannya sebagai hukum Allah, hukum Islam yang wajib diterima tanpa soal jawab. Kepada penggubal Enakmen tersebut dan kepada seluruh pemimpin PAS yang menyesatkan orang-orang yang jahil, kita bacakan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Maka kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis al-Kitab dengan tangan mereka sendiri lalu dikatakannya ini dari Allah dengan maksud untuk memperolehi keuntungan yang sedikit dengan perbuatan itu. Maka kecelakaan besarlah bagi mereka kerana apa yang ditulis oleh tangan mereka sendiri dan kecelakaan besarlah bagi mereka dari apa yang mereka kerjakan.” (al-Baqarah: 79)*

### **Langkah-langkah Pengislahan**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kelantan merupakan Pusat Pengajian Islam di rantau Asia Tenggara. Sejak kemerosotan kerajaan Islam Aceh pada akhir Abad ke 17 Masihi, Kelantan telah berjaya memunggah dan mengambil alih gelaran serambi Mekah daripada Aceh dengan menawarkan kemudahan pendidikan Islam kepada umat Melayu di rantau ini. Kejayaan tersebut telah menyebabkan Kelantan menjadi destinasi utama para pelajar Islam yang ingin meluaskan pengajian mereka. Oleh hal yang demikian tidak hairanlah ramainya ulamak Kelantan termasuklah tuan guru Haji Mohd Yusuf bin Ahmad yang lebih popular dengan panggilan Tok Kenali cuba mempertahankan gelaran tersebut dengan berbagai cara yang difikirkan sesuai dengan keyakinan dan kemampuan masing-masing.<sup>25</sup> Maka dalam usaha merealisasikan jolokan Kelantan sebagai serambi Mekah itu, Ulamat dan Umarak perlu memilih caranya yang tersendiri dengan menjana pengislahan dengan menjurus kepada sistem perundangan Islam yang tulen. Orang-orang Islam Kelantan sangat sensitif sekiranya isu Hudud dan undang-undang Islam dipermain-mainkan. Setiap pencinta Islam mestilah mengambil peranan dalam program ini dengan penuh dedikasi, iaitu dengan menggabungkan segala kekuatan yang ada padanya, mental dan fizikal bagi menjayakan program islah tersebut.

Umat Islam di Malaysia tanpa mengira fahaman politik mereka sememangnya menyedari bahawa Islam adalah agama mereka. Mereka dituntut menghayati ajaran Islam ini dan menjadikannya sebagai cara hidup. Dalam hubungan ini kerajaan Malaysia telah mempertingkatkan tindakan dan usaha agar umat Islam Malaysia ini dapat hidup sebagai orang-orang Islam seperti yang dituntut oleh agama negara (rasmi) mereka. Kerajaan-kerajaan negeri juga tidak ketinggalan berusaha ke arah yang sama tanpa mengira fahaman politik parti yang memerintah.<sup>26</sup> Sebagai salah satu siri tindakan dan usaha tersebut, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam sejak awal tahun lapan puluhan.<sup>27</sup>

### **Pendekatan Islah Berhikmah**

Adalah jelas bahawa Hudud ini adalah berdasarkan hukum Syarak. Walaupun demikian penulis berpendapat, untuk menjayakan pelaksanaan hukum Allah ini perlu ditangani oleh *Ulama' Warathatul Anbiya'* iaitu pakar-pakar perundangan Islam yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana *Asabiyyah Hizbiyyah* yang berkepentingan dengan sarang-sarang politik ala demokrasi. Ini adalah kerana politik Islam dan *siyasah syar'iyyah* yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah luas, *syumul*, bebas dan tidak terkongkong di bawah kuasa politik asing. Islam memerintah bukan diperintah. Islam adalah ajaran Allah yang manusia patut menurutinya, bukan manusia memperalatkannya.

Sepanjang pengamatan penulis, setakat ini belum ada bukti-bukti jelas yang menunjukkan kesungguhan dan keikhlasan dalam meleksanakan hukum-hukum Allah sepenuhnya di negara kita tercinta ini. Apa yang didapati hanyalah atas kadar yang amat terbatas dan tidak memuaskan. Demi kepentingan agama yang sebenarnya berasa di tahap pertama dan utama dalam senarai *maslahah 'ammah* yang tidak patut dipertikaikan lagi, penulis merayu agar semua pihak terutama pemerintah dengan jujur segera memperbaiki sistem perundangan termasuk Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Tidak ada pihak yang harus menjadikan perkara ini sebagai umpan dalam menarik sokongan undi pilihanraya yang bermusim itu.

Dalam hal ini banyak kedapatan putar belit dan tipu helah sebagai modal murahan sehingga banyak perkara yang boleh dimuzakarah dan diperbetulkan, tetapi dibendung dengan alasan kepentingan politik, pada hal kepentingan-kepentingan itu berada di martabat yang lebih rendah berbanding dengan kepentingan agama mengikut susunan keutamaan *maslahah* dalam metodologi hukum.<sup>28</sup>

Di atas kesedaran pihak-pihak yang berwajib, golongan umarak pada masa ini jelas pada zahirnya telah menunjukkan (*Wallah 'A'lam* pada batinnya) sudah berminat dalam soal agama. Kepada pakar-pakar perundangan Islam, inilah peluang untuk menumpukan pengislahan, kerana sesuatu perubahan akan lebih mudah dilakukan sekiranya mendapat sokongan pihak berwajib.

## Kesimpulan

Beberapa kesimpulan boleh di buat daripada apa yang dibentangkan dalam penulisan ini.

- 1) Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 perlu dibuat pindaan dan perubahan-perubahan tertentu sebelum ianya dikuatkuasakan.
- 2) Penggubal dan pembahas sebarang undang-undang hendaklah dilakukan oleh pihak-pihak yang layak mengikut kaedah perundangan Islam dan benar-benar berautoriti terutama untuk akta atau enakmen yang melibatkan hukum Hudud.
- 3) Kepada pihak yang terlibat hendaklah akur dengan ikhlas terhadap segala kesilapan dan kelemahan yang ada serta mengiktiraf *Siyasah Syar'iyyah* adalah satu metod dalam mengatasi kekakuan polisi dan jentera pemerintahan serta pentadbiran negara yang biasanya menjadi satu masalah dalam masyarakat yang pesat membangun. Melalui cara ini pelaksanaan dasar dan peraturan dapat diselesaikan dengan licin berpandukan kepentingan-kepentingan semasa asalkan tidak bertentangan dengan mana-mana nas syarak atau prinsip-prinsipnya secara umum. Dengan mengenal pasti kelemahan dan kesilapan serta keberanian melancarkan perubahan secara agresif, Insya Allah segala kesulitan dan halangan akan dapat diatasi dengan baik.

## Nota Hujung

1. Lihat, *Berita Harian*, 17/4/1992, hlm. 1.
2. Lihat Mohd Noor Deris, "Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan", *Jurnal Syariah*, jil. 4, Bil. 1, Januari 1996, hlm. 46.
3. Pusat kajian Strategik Negeri Kelantan, *Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993*, hlm. 10.
4. *Pelaksanaan Hukum Hudud di Kelantan*, Kota Bharu, Telda Corporation Sdn Bhd., 1994, hlm. 110.
5. *Ibid.*, hlm. 114.
6. *Ibid.*, hlm. 99.
7. *Ibid.*.
8. Prof. Madya Dr. Ibrahim Abu Bakar dalam kertas kerjanya bertajuk "Hudud Dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993, Negeri Kelantan Dari Perspektif Pengkritik" di *Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan 17-18hb. Jun 1997*, APIUM, Kuala Lumpur, hlm. 5 ff.
9. Rose Ismail (ed.). 1995. *Hudud in Malaysia: The Issues at Stake*. Kuala Lumpur: SIS Forum (Malaysia) Berhad.
10. Asiah Mion, dalam *Wanita* (Mac 1994, hlm. 137).
11. Salbiah Ahmad. 1995. "Zina and Rape under the Syariah Criminal code (II) Bill 1993 (Kelantan)." Dalam *Hudud in Malaysia: The Issues at Stake*, hlm. 15.
12. Izman Ismail. 1995 "Sharia Expert Disputes Hudud" dalam *Hudud in Malaysia: The Issues at Stake*, pp. 79-81. hlm. 81.
13. Ahmad Ibrahim 1995. "Perlaksanaan Undang-undang Hudud di Malaysia" dalam *Hudud in Malaysia: The Issues at Stake*, hlm. 143-168.
14. Mohammad Hashim Kamali. 1994. "*The Hudud Bill of Kelantan: An Enquiry into the Proposed Implementation of Criminal Law in Malaysia.*" hlm. 25.
15. Wan Nik Wan Yussof (Penyunting). 1995. *Jawapan Kepada Beberapa Kekeliruan Tentang Hudud*, Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri, hlm. 6-7.
16. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. 1995. "Islam Guarantees Justice for All Citizens" dalam *Hudud in Malaysia: The Issues at Stake*, hlm. 68.
17. *Ibid.*, hlm. 73.
18. Wan Nik Wan Yussof, *op. cit.*, hlm. 5.
19. *Ibid.*, hlm. 11.
20. *Ibid.*, hlm 16.
21. *Ibid.*, hlm. 18.
22. Mohammad Hashim Kamali, *op.cit*, hlm. 21.

23. Haji Wan Ismail Wan Ahmad, *Ulasan Terhadap Hudud PAS*, Macang Kelantan, 1995, hlm. 6 - 7.
24. Ismail Idris, *15 Kelemahan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993*, Berani Benar Kota Bharu, 1994, hlm. 2 dan 3.
25. Lihat, Dr. Ismail Bakar, Kertas kerjanya berjudul “Tok Kenali sebagai Ulamak dan Tokoh Islah” yang dibentangkan dalam majlis “*Pengucapan Perdana*” anjuran Muzium Negeri Kelantan di Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan, pada 14hb. Jun 1997, hlm. 1.
26. Lihat, Prof. Dato’ Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, “Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah*, Jil. 2, Bil. 2, Julai 1994. hlm. 94 dan seterusnya.
27. Untuk keterangan lanjut, lihat Mohd Noor Deris “Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan”, *Jurnal Syariah*, Jil. 4, Bil. 1, Januari 1996.
28. Untuk keterangan lanjut, lihat, Mohd Noor Deris “Susunan Keutamaan Maslahah Dan Fungsinya Dalam Perundangan Islam”, *Jurnal Syariah*, Jil. 1, Bil. 2, Julai 1993.